



Chang melancarkan pelan Family Drive di Petaling Jaya, semalam. (Foto Rohanis Shukri/BH)

Family Drive insurans kereta komprehensif

AIA turut
tawar diskaun
kenderaan
lain dimiliki
keluarga

Oleh Lizam Ridzuan
bbbiz@bh.com.my

AIA General Bhd, anak syarikat AIA Bhd melancarkan produk utamanya dikenali sebagai Family Drive, pelan insurans kenderaan yang memberikan perlindungan menyeluruh kepada semua penumpang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Eric Chang, berkata pelan itu turut menawarkan diskaun untuk kenderaan lain yang dimiliki ahli keluarga.

"Selepas melakukan kaji selidik pasaran, antara kebimbangan utama pelanggan ialah keselamatan serta kesulitan yang berlaku ketika kemalangan jalan raya dan Family Drive dihasilkan bagi memenuhi keperluan mereka untuk pengalaman memandu tanpa bimbang," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelanca-

ran pelan itu di Petaling Jaya, semalam.

Family Drive juga adalah insurans kenderaan komprehensif yang memberikan perlindungan asas terhadap kerugian serta kerosakan sendiri atau pihak ketiga dengan ciri unik direka khas untuk kelebihan setiap pelanggan.

Antara kelebihan yang ditawarkan adalah perlindungan kemalangan diri dan setiap individu yang menaiki kereta diinsuranskan secara automatik sehingga RM250,000, elaun kesulitan sebanyak RM600 jika kenderaan perlu dibawa ke bengkel dan fungsi simpanan melalui Diskaun Keluar-

ga sebanyak lima peratus.

Selain itu, pemegang polisi juga boleh membuat perlindungan tambahan, termasuk perlindungan nilai dipersetujui terhadap penyusutan nilai kereta, manfaat kos pembaharuan untuk alat ganti asli dan bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh.

"Inovasi pelan dan polisi insurans seperti ini mencabar keupayaan kami untuk membangunkan produk bagi memenuhi keperluan yang beragam, namun sebagai entiti baru kami yakin ia memiliki ciri berdaya saing untuk terus menyumbang dalam industri insurans am di negara ini," katanya.

Beliau berkata, Family Drive juga ditawarkan dengan AIA Road Assist, iaitu perkhidmatan nilai tambah seperti penggantian bateri atau tayar beroperasi 24 jam sehari selama tujuh hari seminggu serta bantuan laporan polis dengan bau-car e-hailing disediakan.

Pengecualian lebihan juga diberikan kepada pelanggan yang membaiki kenderaan di bengkel panel AIA dengan kos pembaharuan ditanggung sepenuhnya oleh AIA.

**Family
Drive**
*dihadarkan bagi
penuhi keperluan
mereka untuk
pengalaman
memandu
tanpa bimbang.*

Eric Chang,
Ketua Pegawai Eksekutif
AIA General Bhd